

IWK pastikan kehidupan rakyat selesa, sejahtera

Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF
 pengarang@utusan.com.my

SIKAP sebahagian besar masyarakat yang masih 'liat' membayar bil pemetungan membuktikan pengurusan sisa kumbahan dan perkhidmatan pemetungan di negara ini masih dipandang remeh.

Pernahkah mereka terfikir ke mana perginya air selepas digunakan untuk mandi, mengepam tandas, membasuh pinggan mangkuk serta tugas-tugas domestik lain?

Sedarkah mereka jika tiada pihak seperti Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), apa akan terjadi kepada air sisa kumbahan yang tidak dirawat?

Justeru, adalah penting untuk mengambil tahu mengenai pengurusan air sisa kumbahan dan perkhidmatan sistem pemetungan yang telah menjadikan kehidupan masyarakat di negara ini menjadi lebih selesa dan sejahtera.

Perkhidmatan tersebut sama penting dengan perkhidmatan utiliti lain seperti bekalan air dan tenaga elektrik.

Apatah lagi sebagai sebuah negara membangun yang sedang menuju kepada status negara maju, pengurusan air sisa kumbahan dan perkhidmatan sistem pemetungan merupakan kemudahan paling asas yang perlu disediakan.

Oleh yang demikian, sebagai rakyat bertanggungjawab, bil pemetungan haruslah dijelaskan, sama seperti memberi komitmen dalam membayar bil-bil lain.

Lebih-lebih lagi apabila jumlah pendapatan IWK kini tidak mampu menanggung perbelanjaan



Kepentingan rawatan air sisa kumbahan

- Menghindar penyakit bawaan air.
- Memberikan keseimbangan kitaran air.
- Memelihara kelestarian alam sekitar terutamanya kebersihan sumber air mentah.

dan kos operasi sepenuhnya.

Kos operasi

Peningkatan kos operasi menyulitkan lagi keadaan IWK yang masih mengharapkan subsidi kerajaan untuk terus beroperasi.

Kos perbelanjaan operasi pada 2017 adalah kira-kira RM800 juta dan jumlah ini dijangka terus meningkat dari tahun ke tahun.

Penggunaan tenaga elektrik pula mencecah sebanyak RM250 juta yang merupakan sebanyak satu perempat daripada jumlah kos operasi tahunan IWK.

Berdasarkan kepada kadar inflasi Indeks Harga Pengguna (CPI), caj semasa sebanyak RM8 sebulan yang digunapakai dari 1997 adalah bersamaan dengan RM14.38 pada anggaran semasa.

Turut menyumbang kepada peningkatan kos operasi ialah peningkatan bilangan loji me-



PEKERJA IWK menjalankan penyelenggaraan paip pemetungan terdedah kepada bahaya.

kanikal dan pengambilalihan loji-loji moden berkapasiti besar yang memerlukan penggunaan tenaga elektrik yang banyak pada kadar caj yang begitu ting-

gi demi memastikan perjalanan operasi dan penyelenggaraan harian tidak terjejas.

IWK juga terpaksa menanggung kos penyelenggaraan tinggi

untuk peralatan dan infrastruktur yang uzur.

Selain itu, faktor-faktor risiko yang menggugat kelancaran operasi loji seperti kecurian, vandalisme, kerosakan struktur, pencerobohan, pembuangan haram air sisa kumbahan dan sebagainya turut menyebabkan peningkatan kos operasi dan penyelenggaraan.

Walaupun terpaksa menanggung kos operasi dan penyelenggaraan yang tinggi, IWK tetap memberikan perkhidmatan yang efisien dan efektif kepada masyarakat.

Peranan yang dimainkan IWK sejak beroperasi 24 tahun lalu bagi memastikan kesejahteraan rakyat menerusi pengurusan kumbahan domestik yang efisien sewajarnya dihargai.

Hal demikian kerana industri pemetungan bukan suatu kerja yang mudah, malah tergolong dalam sektor 3D iaitu kotor (*dirty*), berbahaya (*danger*) dan sukar (*difficult*).

Pekerja berkemahiran dan terlatih diperlukan dalam melakukan kerja-kerja terutamanya dalam ruang terkurung (*confined space*) demi mengurangkan risiko kemalangan.

Dengan kedalaman tangki antara 7 hingga 8 meter dan dipenuhi sisa kumbahan yang kotor dan kadang kala licin, sebarang kesilapan boleh mengakibatkan maut.

Selain daripada bekerja di luar tanpa mengira hujan atau panas, pekerja IWK juga terdedah kepada gas-gas berbahaya seperti ammonia, metana dan lain-lain.

Dalam pada itu, bagi menjayakan konsep menukar sisa kepada kekayaan (*waste to wealth*),

IWK telah menghasilkan tiga produk bi-produk rawatan air sisa kumbahan iaitu biofluen (air terawat), biopepejal dan biogas.

Produk sampingan

IWK menghasilkan kira-kira 580 juta liter sehari (JLH) biofluen yang boleh diguna sebagai air bukan minuman sekali gus berpotensi mengurangkan beban ke atas bekalan air terawat.

Biopepejal pula dijadikan sebagai sumber baja untuk tanaman bukan makanan dan juga sumber tenaga diperbaharui.

Biogas yang diproses melalui sumber gas metana yang terhasil, disalurkan semula ke grid yang mana ia digunakan untuk menjana tenaga elektrik untuk kegunaan di sekitar kawasan loji.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memudahkan pengguna membayar bil pemetungan, IWK baru-baru ini telah memperkenalkan IWK *e-Bill*.

Pelanggan yang memilih untuk mendaftar IWK *e-Bill* akan menerima bil pemetungan melalui e-mel dalam bentuk fail PDF yang mempunyai kata laluan.

Cara tersebut lebih pantas, selamat dan memudahkan pelanggan untuk menguruskan bil mereka.

Malah, pelanggan yang mendaftar dengan IWK *e-Bill* berpeluang memenangi hadiah pakej percutian atau kereta Perodua MyVi dengan menyertai Peraduan Bayar dan Menang yang akan berakhir pada 31 Ogos ini.



LOJI Pantar, Kuala Lumpur, loji IWK di bawah tanah dan terbesar di rantau Asia Pasifik.

Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA	:	MUKA SURAT	:	5
TARIKH	:	26/8/2018	:		:	
JABATAN	:	IWK	:		:	
KLASIFIKASI	:		:	PERHATIAN	:	

